

# Ahli Umno tetap sokong Dr Mahathir

Oleh Kadir Dikoh

BH 18 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, ahli Umno tetap memberi sokongan padu terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tidak terpengaruh dengan pelbagai fitnah serta pembobongan yang dilemparkan pembangkang terhadap Perdana Menteri.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, pembangkang mengasak dan mengecam Dr Mahathir dengan harapan untuk menggoncangkan keyakinan serta kepercayaan ahli Umno.

"Mereka (pembangkang) berpendapat, kalau kepala diketuk, maka badan akan jadi lemah, akan tidak bermaya dan mungkin badan itu akan mati.

"Kalau itu andaian mereka, mereka akan hampa. Mereka tidak akan melihat ini berlaku kerana kita, ahli Umno, memilih Dr Mahathir sebagai pemimpin kita dan akan tetap memberi sokongan padu kepadanya sepanjang masa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Persekutuan Sedunia Persatuan Foochow Keenam di Kuala Lumpur Hilton di sini, hari ini.

Abdullah berkata, tindakan pembangkang melemparkan pelbagai tuduhan terhadap Umno dan kepimpinanannya hanya bertujuan merosakkan parti serta perpaduan Melayu.

Usaha pembangkang menghasut dan memfitnah untuk menggoncangkan keyakinan serta kepercayaan ahli Umno terhadap kepimpinan Perdana Menteri hanya sia-sia

Timbalan Perdana Menteri berkata, kepimpinan Umno tidak akan membiarkan mana-mana pemimpinnya diperkecil dan dipermainkan untuk kepentingan politik sempit pembangkang.

Katanya, Dr Mahathir sudah membuktikan keupayaannya sebagai pemimpin dan bekerja kuat bukan sahaja bagi memantapkan Umno, malah pembangunan negara dan kemakmuran rakyat.

Beliau berkata, pembangkang tidak seharusnya berfikir bahawa pembobongan berterusan dan penyebaran fitnah terhadap Dr Mahathir akan menjauhkannya daripada Umno dan rakyat.

"Sebaliknya, apabila pembobongan dan penyebaran fitnah ini terus dilemparkan terhadap orang tertentu, orang ramai sama ada ahli Umno atau tidak, akan mula mempersoalkan tuduhan itu," katanya.

Berikutan itu, Abdullah mahu pemimpin Umno turun padang untuk menangkis tohmahan yang dibuat pembangkang terhadap Umno dan kepimpinanannya.

"Kita perlu turun padang untuk memberi penerangan kerana banyak cerita yang dihebahkan atau direka oleh mereka (pembangkang) yang menentang Dr Mahathir secara peribadi.

"Ini tentu menyebabkan ahli Umno tidak senang hati dan mereka pun tertanya-tanya serta hendakkan maklumat yang sebenarnya," katanya.

Beliau berkata, ahli Umno harus faham bahawa taktik pembangkang adalah mudah, iaitu menyerang pemimpin atasan dan jika berjaya, akan memudahkan mereka membuat serangan terbuka terhadap yang lain.

Mengenai kekalahan calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas baru-baru ini, beliau berkata, memang banyak pandangan diberi mengenaipun kekalahan itu.

"Apa yang penting sekarang ialah untuk kita mengambil tindakan perlu bagi memperbetulkan segala kepincangan dan menjamin kita bersedia menghadapi cabaran akan datang," katanya.